

Faktor Pengimarahannya Masjid Jannatun Na'im Seri Taman, Sandakan: Satu Tinjauan

ABSTRACT

Institusi masjid merupakan sebuah institusi yang mempunyai peranan besar dalam membangunkan kesejahteraan umat. Pembangunan tersebut meliputi pelbagai aspek bermula dari aspek ibadah sehingga kepada aspek muamalat. Pembangunan yang diinginkan itu perlu kepada pengimarahannya yang bukan sahaja didasari atas faktor fizikal semata. Oleh yang demikian, kajian ini ingin melihat dengan lebih jelas faktor kepada pengimarahannya Masjid Jannatun Na'im Seri Taman, Sandakan yang menjadi contoh kepada masyarakat di Daerah Sandakan. Kajian ini menggunakan metodologi kajian gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Seramai 30 orang responden yang terlibat dalam soal selidik serta temu bual secara rawak berkaitan dengan faktor pengimarahannya masjid tersebut terhadap masyarakat setempat. Hasil kajian ini mendapati bahawa faktor pengimarahannya masjid yang utama adalah terbentuk daripada hubungan yang kuat antara pengurusan aktiviti masjid, pengurusan dana dan organisasi serta pengurusan di Masjid Jannatun Na'im Seri Taman, Sandakan. Peranan dan tanggungjawab individu dalam menjayakan setiap program dan aktiviti masjid turut menyumbang kepada pengimarahannya Masjid Jannatun Na'im ini. Faktor-faktor pengimarahannya ini dapat dijadikan sebagai salah satu penanda aras kepada masjid-masjid lain di sekitar negeri Sabah khususnya dan di Malaysia umumnya.